

CAPSUL PENGUNA

f t d i K P D N

SATU SUDUT
PANDANG

AMANAT
YB MENTERI KPDN

PERLIS RINTIS PROJEK
MINYAK PETROL
RON 95 DAN DIESEL
TANPA SUBSIDI

ADUAN SURI



KANDUNGAN

- 3** PELANCARAN PEREMAJAAN SEMULA SALURAN ADUAN KPDN “ADUAN SURI”
- 4-5** AMANAT YB MENTERI KPDN
- 6-7** PELANCARAN INISIATIF MENU RAHMAH BAGI GOLONGAN YANG MEMERLUKAN
- 8-9** SATU SUDUT PANDANG: MENU RAHMAH
- 10-11** PERLIS RINTIS PROJEK PEMBEKALAN MINYAK PETROL RON 95 DAN DIESEL TANPA SUBSIDI
- 12-13** SHMMP TAHUN BARU CINA 2023
- 14-15** KAMI BERTINDAK



MAJLIS PELANCARAN PEREMAJAAN SEMULA SALURAN ADUAN KEPENGGUNAAN KPDN

DISEMPURNAKAN OLEH

YB SENATOR PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
TAMBAHAN MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA



PELANCARAN PEREMAJAAN SEMULA SALURAN ADUAN KPDN “ADUAN SURI”

Kementerian mengambil langkah untuk melancarkan semula atau *re-promoting* saluran saluran aduan kepenggunaan sedia ada dengan menambah baik sistem aduan agar lebih mesra pengguna. Peremajaan semula semua platform aduan ini diharap dapat disebar luas manfaatnya kepada seluruh masyarakat Malaysia.

Aduan SURI dan Peremajaan Semula Saluran Aduan Kepenggunaan KPDN ini telah di lancarkan oleh YB Senator Puan Hajah Fuziah Binti Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) semasa Karnival Jualan Rahmah di Kompleks Belia dan Sukan, Alor Setar, Kedah.

Pelancaran ini berfokuskan kepada suri rumahtangga, yang

berurusan dengan pembelian barang “keperluan” secara harian, dan berdepan secara langsung dengan sebarang isu kenaikan harga yang melampau serta kekurangan bekalan. Besar hasrat Kementerian melalui pendekatan baharu ini, para suri rumahtangga dapat menjadi mata dan telinga juga rakan strategik Kementerian dalam memberikan maklumat sahih dari lapangan di seluruh Malaysia.

YB Timbalan Menteri KPDN turut melancarkan QR Code saluran aduan melalui aplikasi Whatsapp, ADUAN SURI: Mendayaupayakan Pengguna bagi memudahkan pengguna membuat aduan. Melalui mekanisme ini, pengadu hanya perlu mengimbas QR Code tersebut dan ianya akan terus disalurkan ke aplikasi Whatsapp aduan KPDN.



**YB DATUK SERI
SALAHUDDIN AYUB**

Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sarawak Hidup

Amanat Tahun Baharu 2023,
Majlis Perhimpunan Bulanan KPDN
10 Januari 2023



AMANAT YB MENTERI KPDN

YB Datuk Seri Salahuddin bin Ayub, telah menyampaikan amanat kepada warga kementerian dengan bertemakan "Mendepani

Cabaran Inflasi Dan Kos Sara Hidup" bertempat di Aras G, Dewan Serbaguna KPDN.

Antara intipati utama amanat beliau adalah mengenai imbasan pencapaian KPDN pada tahun 2022 dan juga fokus kementerian bagi tahun 2023.

Program-program yang diberi penekanan oleh YB Menteri bagi tahun 2023 adalah program-program baharu seperti INISIATIF BERJENAMA RAHMAH (KASIH SAYANG) atau PAYUNG RAHMAH.

INISIATIF BERJENAMA SURI yang diperkenalkan meliputi 'Rezeki Suri' dan 'Aduan Suri' bagi membantu golongan suri

rumah menjana pendapatan dan memudah serta mempercepatkan suri rumah mengemukakan aduan kepada KPDN melalui QR Code.

Selain itu juga, mengkaji pelaksanaan HARGA MUNASABAH/ ADIL atau FAIR PRICE berdasarkan data-data harga daripada seluruh negara bagi menambah keanjalan di bahagian permintaan dalam usaha mengawal inflasi.

YB Menteri juga telah mengarahkan Kementerian supaya mengkaji kebolehlaksanaan dan memperincikan 'Sistem Perlindungan Sosial Baharu' yang komprehensif bagi membantu dalam pemberian subsidi secara lebih tepat, dan bersasar bagi memastikan kebolehmampuan rakyat berbelanja keperluan asas.

YB Menteri menyeru agar warga Kementerian bergerak sebagai satu pasukan KPDN yang mantap, berintegriti dan dinamik dalam menjayakan aspirasi negara ke arah Malaysia yang sejahtera, makmur dan bersatu.

PAYUNG RAHMAH

BANTU GOLONGAN BERPENDAPATAN RENDAH

“ Kementerian akan memperkenalkan Inisiatif Berjenama RAHMAH (Kasih Sayang) atau Payung RAHMAH yang meliputi ‘Bakul RAHMAH’, ‘Jualan RAHMAH’, ‘Menu RAHMAH’, ‘Kafe RAHMAH’ dan ‘Pakej RAHMAH’ yang merupakan program bantuan kepada golongan berpendapatan rendah dengan Kerjasama rakan strategik KPDN ”





INISIATIF MENU RAHMAH BANTU GOLONGAN YANG MEMERLUKAN



Menu RAHMAH merupakan salah satu inisiatif baharu dalam mengurangkan kos sara hidup rakyat, susulan daripada libat urus industri yang dilaksanakan pada 26 Januari 2023 bersama wakil-wakil persatuan restoran seperti Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (PRESMA), Persatuan Pengusaha Restoran India Malaysia (PRIMAS), Persatuan Pengusaha Tomyam Malaysia, Malaysia Singapore Coffee Shop Proprietors General Association (MCSPGA), Bumiputra Retailers Organization (BRO), Malaysia Retail Chain Association (MRCA), dan Malaysia Retailers Association (MRA).

Ianya merupakan makanan tengah hari atau malam yang seimbang dan merangkumi nasi, satu pilihan protein seperti ayam atau ikan dan sayuran yang ditawarkan pada harga yang sangat berpatutan iaitu pada harga RM 5.00 sepinggan. Dengan tawaran harga menu yang sangat berpatutan ini, iaanya sedikit sebanyak dapat membantu golongan sasar yang terkesan dengan kenaikan kos sara hidup pada masa kini.

Pasar Raya MYDIN merupakan antara pemain industri yang terawal dalam menyahut usaha murni ini dan telah dilancarkan di Pasar Raya MYDIN Subang Jaya, dengan memperluaskan Menu RAHMAH ini ke semua cawangannya di seluruh negara.

Selain itu, inisiatif Menu RAHMAH ini berjaya menarik minat kerjasama industri rantai restoran makanan segera.

Restoran BURGER KING® yang merupakan antara rangkaian Restoran Perkhidmatan Pantas atau QSR (*Quick Service And Fast Casual Restaurant*) telah menjadi restoran makanan segera pertama yang melancarkan "Menu RAHMAH" dalam menu sajian kepada pelanggannya.

Dengan menawarkan dua jenis pilihan protein iaitu BK Chick'N Crisp® (Ayam) dan Cheesy Beef (Daging) dan disertakan dengan sebotol air mineral dengan harga RM 5.00 bagi satu hidangan di 140 buah cawangannya di seluruh Semenanjung.

Ini menunjukkan penerimaan yang positif dari semua pihak bersama-sama berganding bahu dengan Kerajaan.

Inisiatif ini juga merupakan *Quick-Win* kolaborasi antara Kerajaan bersama pemain industri makanan dan minuman yang akan diperluaskan ke seluruh negara. KPDN menyeru lebih ramai lagi pemain industri khususnya pengusaha restoran menyambut inisiatif ini.



SATU SUDUT PANDANG

DR. MAHYUDIN BIN AHMAD



MENU

RAHMAH

ASPEK AKSES KEPADA MAKANAN

Menu RAHMAH menjadi tarikan kerana harga murah dan mencapai maksud (kenyang makan). Sasaran Menu RAHMAH ialah kepada rakyat B40, miskin, pelajar, kumpulan tidak berpendapatan tetap dan seantara dengannya. Ianya juga merupakan keperluan pada makanan adalah hak asasi semua manusia. Semua sudah sedia maklum dalam hirarki keperluan Maslow, ia perkara paling asas, selain dari tempat tinggal & pakaian. Akses kepada makanan juga perkara utama dalam SDG2 "Zero hunger." Malah di negara maju, harga makanan asas amat murah dan diberi subsidi. Pokoknya, itu adalah hak asasi rakyat bagi memperolehi *decent life*, taraf hidup yang selayaknya.

BUKAN POLISI TURUNKAN HARGA

Apabila Kerajaan memperkenalkan Menu RAHMAH, saya berpendapat bukanlah tujuan Kerajaan mahu menekan peniaga menurunkan harga, atau untuk selesaikan isu kenaikan harga barang/inflasi, atau isu kos pengeluaran yang meningkat dan lain-lain. Anda salah kalau beranggapan begitu.

Akar utama dalam pengenalan polisi Menu RAHMAH ialah memastikan akses kepada makanan. Bagi golongan M40 ke atas, yang berpekerjaan tetap, mereka ini biasanya tidaklah akan berkira-kira ketika makan, tidak terfikir-fikir "Adakah cukup duit dalam poket kalau aku ambil lauk ini lauk itu."

Tapi di sana, ada kumpulan yang kurang berasib baik, dan mereka ini biasanya nak makan pun tak berapa cukup duit. Nak ambil satu dua jenis lauk pun fikir tiga-empat kali. Dengan adanya Menu RAHMAH, kumpulan ini mampu mengisi perut mereka dengan kenyang, lalu meneruskan kerja-kerja seharian untuk mencari rezeki. Mereka kais hari ini untuk dapatkan duit makan esok. Sekarang mereka tak perlu risau adakah cukup duit yang mereka dapat hari ini untuk makan esoknya. Justeru hanya RM5 sudah dapat satu hidangan.

Dari aspek ekonomi, pengeluaran makanan dalam Menu RAHMAH ini bukan bersifat *highly technical/unique/high-skilled production*, atau memerlukan bahan mentah yang sukar didapati. Menu Rahmah adalah makanan asasi; nasi dan lauk, sama ada ayam atau ikan, dan sayur. Permintaan untuk makanan asas sebegini adalah elastik, bermaksud pengguna akan mencari peniaga yang boleh menurunkan harga. Tingkah laku pengguna di dalam bab makanan ini amat *straightforward*. Ini keperluan asas, dan matlamatnya hanya untuk kenyang. Bukan untuk sedap, bukan demi citarasa, hanya untuk kenyang sahaja. Apabila ia sejenis item yang mempunyai *elastic demand*, dengan sedikit penurunan harga, ia akan menarik permintaan lebih besar. Sekaligus kenaikan permintaan ini akan memberi keuntungan kepada peniaga bagi jangka masa panjang. Bagi mereka yang belajar ekonomi boleh merujuk kembali teori *Revenue vs Elasticity*. Strateginya - if you reduce the price of an item with elastic demand, your revenue will rise significantly due to greater increase in demand.

JANGAN DIKAITKAN DENGAN SISTEM EKONOMI

Justeru, para sahabat yang budiman, janganlah jadikan Menu RAHMAH ini sebagai *punching bag* untuk anda perlakukan Kerajaan tidak berbuat apa-apa mengenai kos pengeluaran meningkat. Malah ada yang menyebut punca sebenar kenaikan harga barang ialah sistem ekonomi dan kewangan berasaskan hutang (*debt-based economic/financial system*) yang mendorong kenaikan harga barang kerana kos hutang tinggi dipindahkan dalam bentuk harga barang yang tinggi. Nak menyelesaikan isu *debt-based financial system*, disuruh pula kerajaan tiru sistem ekonomi zaman Abbasiyah dan Uthmaniah, upayakan sistem ekonomi berasaskan infaq dan waqaf, supaya ekonomi lebih seimbang, mampan dan harga barang dapat dikurangkan.

Aduhai... nak tukar sistem bukan ambil masa singkat ya.

Kerajaan adalah ahli politik, masa adalah matawang sangat mahal untuk seseorang ahli politik.

PERMINTAAN MAKANAN AMAT ELASTIK

BOLEHKAH POLISI INI BERTAHAN? - INSENTIF
SUPPLY SIDE



Rakyat umum tak mahu dengar kerajaan berfalsafah dan berteori terlalu banyak. Rakyat mahukan hasil yang cepat. Kami rakyat marhaen dah lama tertekan. Jadi apa Kerajaan baharu boleh tawar pada kami untuk pastikan makan yang cukup, harga yang berpatutan, pengangkutan awam yang kompeten & memudahkan, akses internet yang murah. Di akhirnya kami dapat hidup dengan lebih lumayan.

Pada pandangan saya, Menu RAHMAH adalah strategi amat baik dari sudut *demand side*. Rakyat (termasuk pelajar universiti) yang kenyang, dapat fokus pada kerja (pengajian), produktiviti (pencapaian) lebih baik. Dalam masa panjang mungkin boleh mengurangkan jenayah, masalah golongan rentan, dan lain-lain.

Dari *supply side*, ramai pertikai berapa lama peniaga restoran/kedai makan akan terus tawarkan Menu RAHMAH? Boleh ke harga rendah sebegini tu kekal? Ramai yg sebut jumlah kedai/restoran yg tawarkan Menu RAHAMH tu menurun *over the long term* kerana kos tinggi. Bagi *supply side* ini, saya rasa Kerajaan boleh bantu beri inisiatif, contoh:

- i. semua peniaga yg menyahut polisi kerajaan melalui Menu RAHMAH boleh diberikan insentif cukai yang lebih rendah,
- ii. pembelian bahan mentah (beras, ayam, ikan) melalui agensi kerajaan secara pukal pada harga kos lebih rendah,
- iii. insentif pemasaran, dan lain-lain.

Sekarang kita mula lihat, Menu RAHMAH telah menjadi gelombang apabila lebih ramai peniaga kedai makan/restoran/ rangkaian perniagaan macam KFC, McD dan lain-lain akan bersama-sama perkenalkan Menu RAHMAH untuk menarik lebih ramai pelanggan. Malah, saya nampak masalah *sticky price* (kedegilan pengeluar menurunkan harga barang, walaupun kos pengeluaran sudah menurun) dalam bab makanan juga dapat diatasi dengan mudah oleh Kerajaan melalui satu polisi yang mudah, Menu RAHMAH!



347586



PERLIS RINTIS PROJEK MINYAK PETROL RON 95 DAN DIESEL TANPA SUBSIDI

Dalam usaha menangani ketirisan subsidi, KPDN mengambil inisiatif melancarkan pembekalan minyak petrol dan diesel tanpa subsidi kepada kenderaan pendaftaran asing. Inisiatif ini akan memberi kemudahan kepada kenderaan berpendaftaran asing untuk mendapatkan bekalan minyak petrol dan diesel di stesen minyak komersial atau akan datang di stesen minyak sedia ada dengan harga komersial.

Projek Rintis berkaitan Pembekalan Minyak Petrol RON 95 dan Diesel Tanpa Subsidi ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Salahuddin bin Ayub, di Padang Besar, Perlis.

Pelbagai usaha penguatkuasaan dalam menangani ketirisan atau penyelewengan minyak petrol dan diesel giat dilaksanakan, namun aktiviti penyeludupan produk petroleum ini tetap berluasa dilaksanakan dengan bermacam modus operandi. Pada tahun 2022, KPDN telah merekodkan 43 tangkapan kes melibatkan penyeludupan petrol RON95 dan diesel di Perlis dengan nilai rampasan berjumlah RM100,611.00.

Projek rintis ini dilaksanakan di negeri Perlis terlebih dahulu bagi tempoh 3 bulan daripada Februari hingga April 2023 untuk menilai keberkesanan program ini sebelum ia diperluaskan kepada negeri-negeri sempadan yang lain seperti Kedah, Perak, Kelantan, Johor, Sabah dan Sarawak.

Melalui pelaksanaan projek rintis ini, Arahan Pengawal Bekalan yang baharu (hanya untuk pelaksanaan di Perlis) telah dikeluarkan berkuatkuasa 1 Februari 2023 mengenai larangan penjualan minyak diesel kepada kenderaan berpendaftaran asing.

Walau bagaimanapun, semua kenderaan berpendaftaran asing di Perlis masih boleh mendapatkan bekalan minyak petrol atau diesel tanpa subsidi. Untuk makluman, buat masa ini terdapat dua stesen minyak tanpa subsidi masing-masing di Padang Besar dan Wang Kelian.

Pelaksanaan inisiatif ini akan diseimbangkan dengan operasi penguatkuasaan yang berterusan bagi memastikan objektif ini dicapai dengan mematuhi peraturan dan perundungan yang sedia ada.





SHMMP TAHUN BARU CINA 2023

KPDN melaksanakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Tahun Baru Cina 2023 pada 22 Januari ini. Ianya telah diumumkan oleh YB Datuk Seri Salahuddin bin Ayub, di Lotus's Mergong, Alor Setar, Kedah.

Menurut beliau, pelaksanaan SHMMP Tahun Baru Cina 2023 ini dilaksanakan berkuatkuasa dari 15 Januari hingga 29 Januari 2023. Tempoh pelaksanaan adalah selama 15 hari iaitu 7 hari sebelum perayaan, 1 hari semasa perayaan dan 7 hari selepas perayaan.

Pada masa yang sama, ayam dan telur ayam juga dikawal harganya di bawah pelaksanaan penentuan harga ayam dan telur ayam.

Tempoh pelaksanaan SHMMP Tahun Baru Cina 2023 kali ini adalah bersesuaian mengikut keadaan semasa, iaitu mewujudkan suasana menang-menang kepada pengguna dan peniaga. Pengguna dapat menikmati harga yang berpatutan dan peniaga pula tidak tertekan dengan tempoh masa pelaksanaan yang terlalu lama.



HARGA MAKSIMUM SHMMP TBC 2023

KUAT KUASA IS HINGGA 29 JANUARI 2023 (15 HARI)

NEGERI / KAWASAN	KURIS BULAT IMPORT (INDONESIA DAN CINA TIDAK TERMASUK KURIS HINGGA)		UBI KENTANG IMPORT (CINA)		BAWANG PUTIH (CINA)		IKAN RAWAT PUTIH (BERAT ANTARA 200 GRAM HINGGA 400 GRAM SELKOR)		UDANG PUTIH (BERAT ANTARA 41 EKIÖH HINGGA 40 EKIÖH SEKILOGRAM)		BABI HIDUP (UDANG SABAJA)		DAGING BABI (PERUT)		DAGING BABI (DAGING DAN LEMAK)	
	BORONG	JUNCIT	BORONG	JUNCIT	BORONG	JUNCIT	BORONG	JUNCIT	BORONG	JUNCIT	LADANG	BORONG	JUNCIT	BORONG	JUNCIT	
SEMPERAT	3.00	4.00	3.00	4.00	7.00	8.50	39.00	42.00	34.00	39.00	15.00	34.00	36.00	23.00	25.00	
SARAWAK	Kuching, Lundu, Bau, Serian, Menggatal, Samarahan, Asmataya Anas, Sarawak, Beaufort, Lubuk Antu	4.00	5.00	3.00	4.00	7.00	8.50	37.00	40.00	32.00	35.00	15.00	28.00	30.00	25.00	27.00
	Indu Kapowit, Selangau Air Manis Brotulu, Tatau, Sebauh Kapit, Bedok Mahong, Sung Relaga Berlel, Jelut, Pekan, Maradong	4.00	5.00	3.00	4.00	7.00	8.50	37.00	40.00	32.00	35.00	15.00	28.00	30.00	25.00	27.00
	Ain Marudi Tawau, Telupid, Tambunan, Lahad Datu, Kunak	4.00	5.00	3.00	4.00	7.00	8.50	37.00	40.00	32.00	35.00	15.00	28.00	30.00	25.00	27.00
SABAH	Pantai Barat Kota Kinabalu, Penampang, Papar, Putatan, Tuaran, Kota Belud, Ranau, Beaufort, Segamat, Kuala Penyu, Kudat, Kota Marudu, Pitas, Kenyir, Tenom, Tambunan, Lahad Datu, Kunak	2.50	3.50	3.00	4.00	7.00	8.50	37.00	40.00	32.00	35.00	15.00	28.00	30.00	25.00	27.00
	Pantai Timur Sandakan, Kinabatangan, Balikpapan, Tongod, Telupid, Tawau, Kalsel, Semporna, Lahad Datu, Kunak	2.50	3.50	3.50	4.50	7.50	9.00	35.00	38.00	26.00	28.00	20.00	43.00	45.00	36.00	38.00
WP LABUAN		2.50	3.50	3.00	4.00	7.00	8.50	35.00	38.00	34.00	36.00	19.50	43.00	45.00	36.00	38.00

Penentuan harga ini dibuat dengan mengambil kira pandangan dari pemain industri, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) serta agensi di bawahnya dan data-data harga barang yang dikutip oleh Bahagian Harga Barang Negara (BHBN), KPDN.

SHMMP Tahun Baru Cina 2023 dikuatkuasakan melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 dan membolehkan penentuan harga dibuat di semua peringkat. Semakan harga boleh dibuat melalui laman sesawang KPDN di <https://www.kpdn.gov.my>.

Pegawai Penguat Kuasa KPDN telah ditugaskan di lokasi-lokasi strategik seperti di pasar awam, pasar tani dan pusat membeli-belah barang keperluan perayaan. Strategi ini membolehkan penguatkuasaan dilaksanakan dengan lebih berkesan di mana tindakan segera dapat diambil terhadap aduan pengguna dan tindakan penguatkuasaan ke atas peniaga sekiranya berlaku ketidakpatuhan.

Kerajaan berharap semua pihak dapat mematuhi harga-harga yang telah ditetapkan ini dan menggunakan label merah jambu bagi barang tersebut.

KAMI BERTINDAK

1 PENGUAT KUASA KPDN TUARAN MENYITA 29,000 LITER DIESEL

KOTA KINABALU – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menyita sebanyak 29,000 liter diesel dalam serbuan sebuah stor tidak bernombor di Kampung Lok Batik, Tuaran, semalam.

Dalam serbuan 10.30 pagi itu, pasukan operasi KPDN Tuaran turut merampas empat skid tangki dan seunit pam elektronik, menjadikan nilai rampasan keseluruhan dianggarkan berjumlah RM107,000.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDN Tuaran, Saripuddin Moleng berkata, dua lelaki warga tempatan yang dipercayai pekerja stor di lokasi turut ditahan. .

"Berdasarkan keterangan awal pekerja stor berkenaan, barang kawalan itu diperolehi daripada pembekal diesel industri yang sah," katanya dalam kenyataan media, hari ini.

Menurutnya, kedua-dua pekerja terbabit juga gagal mengemukakan sebarang dokumen kebenaran dan lesen yang sah untuk menyimpan barang kawalan di lokasi berkenaan. Mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122), mana-mana individu yang disabit dengan kesalahan boleh didenda tidak lebih RM1 juta. Manakala bagi kesalahan berikutnya tidak melebihi RM3 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.



Bagi syarikat pula, jika sabit kesalahan boleh membawa hukuman denda tidak melebihi RM2 juta, manakala bagi kesalahan berikutnya tidak melebihi RM5 juta. Sementara itu, Saripuddin berkata, KPDN Tuaran akan terus menjalankan pemeriksaan dan pemantauan secara berterusan ke atas semua kegiatan berkaitan barang kawalan.



2

3,043 UNIT ALAT GANTI KENDERAAN TIRUAN DISITA

PUTRAJAYA – Dua syarikat pengedar alat ganti kenderaan di sekitar Batu Caves, Selangor dan Cheras, Kuala Lumpur di serbu oleh sepasukan anggota penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Putrajaya pada 7 Februari 2023 yang lepas.

Menurut YBhg Datuk Azman bin Adam, Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN, hasil pemeriksaan telah menemukan sejumlah 3,043 unit alat ganti kenderaan iaitu penapis minyak kenderaan, penapis angin kenderaan dan tali sawat kenderaan yang menggunakan jenama Hyundai dan KIA yang disyaki tiruan. Kesemua alat ganti tersebut bersama beberapa dokumen perniagaan lain telah disita dengan nilai rampasan keseluruhan dianggarkan berjumlah RM 240,792.00.

Selain itu, dua orang individu lelaki warga tempatan yang mengaku sebagai pemilik kedua-dua premis juga telah ditahan untuk membantu siasatan kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah Seksyen 102(1)(c) Akta Cap Dagangan 2019.

KPDN ingin memberikan peringatan serta amaran kepada mana-mana pihak agar tidak melakukan aktiviti menjual barang yang tidak mendapat kelulusan atau kebenaran pemilik cap dagangan berdaftar yang sah, terutamanya alat ganti kenderaan seumpama ini kerana boleh mengancam keselamatan pengguna.

3

350 UNIT PRODUK PENJAGAAN RAMBUT TIRUAN DIRAMPAS KPDN

KULIM – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) merampas sebanyak 350 unit produk penjagaan rambut jenama antarabangsa disyaki tiruan bernilai RM52,500 di Taman Kempas di sini semalam.

Dalam serbuan Ops Jeriji kira-kira pukul 10 pagi itu, sepasukan pegawai penguat kuasa KPDN Cawangan Kulim turut menahan seorang lelaki tempatan di bawah Seksyen 119 (1) Akta Cap Dagang 2019.

Pengarah KPDN Kedah, Affendi Rajini Kanth berkata, risikan awal telah dijalankan pengadu yang merupakan pemilik cap dagang produk tersebut.

"Pengadu memesan empat unit produk jenama berkenaan secara dalam talian menerusi platform e-dagang. Semasa barang diterima, pengadu mengesyaki ia adalah tiruan kerana terdapat sedikit perbezaan daripada segi

pembungkusan dan tulisan jenama," katanya dalam satu kenyataan.

Selain itu, katanya, penjual barang tersebut juga bukan daripada ejen yang dilesenkan oleh syarikat terlibat.

Menurutnya, sepasukan pegawai penguat kuasa kemudian menjalankan pemeriksaan bersama empat pengadu berhubung penjualan produk penjagaan rambut yang menggunakan cap dagang berdaftar. Barang tersebut dipesan secara dalam talian dari China untuk tujuan jualan kepada pengguna. Semasa pemeriksaan dijalankan, kita menjumpai sebanyak 350 unit produk tersebut dan kesemua barang sitaan disimpan di stor KPDN Kulim untuk siasatan lanjut.

Tambahnya, kes disiasat di bawah Seksyen 102(1)(c) iaitu mempunyai dalam milikan bagi maksud perdagangan barang yang merupakan suatu cap dagangan berdaftar dan dipakaikan dengan salah di bawah seksyen 100 Akta Cap Dagangan 2019.

Sumber: Kosmo

4

LIMA LELAKI DITAHAN SELEWENG MINYAK DIESEL BERSUBSIDI


BUTTERWORTH – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menumpaskan aktiviti penyelewengan minyak diesel bersubsidi dalam satu serbuan di Kampung Balik Bukit, Tasek, Simpang Ampat, Pulau Pinang yang disyaki dijadikan stor tempat penyimpanan dan pemindahan minyak diesel kelmarin.

Ketua Pengarah Penguatkuasa KPDN, Datuk Azman Adam berkata, serbuan yang dilakukan sepasukan anggota penguat kuasa dari KPDN Putrajaya bermula jam 2 pagi itu adalah hasil risikan dilakukan beberapa hari sebelumnya.

Menurutnya, ketika serbuan dilakukan, lima lelaki yang berada di dalam premis terbabit dipercayai sedang melakukan aktiviti pemindahan minyak diesel.

"Hasil pemeriksaan lanjut, pasukan serbuan menemukan minyak diesel dengan kuantiti keseluruhan berjumlah 22,000 liter selain sebuah lori tangki, dua lori bertutup kanvas, beberapa tangki yang kosong dan berisi minyak diesel dan beberapa peralatan lain yang digunakan."

"Pihak premis juga gagal mengemukakan sebarang dokumen yang sah berhubung kebenaran untuk berurusan berkaitan barang kawalan berjadual iaitu minyak diesel di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya dalam



kenyataan hari ini.

"Nilai keseluruhan rampasan dianggarkan berjumlah RM161,100 manakala lima lelaki terbabit ditahan bagi membantu siasatan."

"Siasatan dijalankan mengikut Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961 bagi mengenalpasti individu atau syarikat yang terbabit dalam aktiviti ini serta rantai pengedaran minyak diesel itu termasuklah sumber ia diperoleh dan diedarkan," katanya.

Sumber: Harian Metro

KAPSUL PENGGUNA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP,
NO. 13, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2,
62623 PUTRAJAYA,
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA.

TERBITAN:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

